

Headline	MPSepang edar tong kutip minyak terpakai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Feb 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,346



MPSepang edar tong kutip minyak terpakai

Cyberjaya: Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) akan mengedarkan tong kepada pengetua sekolah dan premis kedai makan sekitar Cyberjaya bagi mengisi minyak terpakai untuk diproses menjadi biodiesel.

Kutipan minyak masak terpakai pada setiap Rabu minggu keempat setiap bulan itu bermula pada jam 2 petang hingga 6 petang dan bayaran RM1 diberi bagi setiap liter.

Yang Dipertua MPSepang, Mohd Sayuthi Bakar, berkata sepanjang tahun lalu, pihaknya berjaya mengutip 1,162 liter minyak masak terpakai.

“Bagaimanapun, bagi tahun ini tiada sasaran ditetapkan, kita cuma mahu masyarakat tidak lagi membuang minyak masak terpakai di sinki atau sungai berdekatan.

86 premis, tiga sekolah sumbang minyak
“Sempena majlis kali ini, 86 premis kedai makan dan tiga sekolah mengambil bahagian dengan menyumbangkan minyak masak terpakai.

“Pembabitan pelbagai pihak untuk menjaga alam sekitar bersama kita amat dialu-alukan,” katanya kepada pemberita selepas Program Pelancaran Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (KISMAT) sempena Kempen Bersih Hijau Sejahtera peringkat MPSepang, di sini semalam.

Katanya, minyak masak terpakai akan dihantar ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk diproses menjadi biodiesel.

Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, Dr Wan Asma Ibrahim, berkata setakat ini pihaknya sudah menguji biodiesel yang dihasilkan dan tiga kereta milik FRIM kini menggunakan bahan api itu.